



13 Oct 2018

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Author: No author available • Section: Business & Finance • Page: B6  
Printed Size: 365.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white  
ASR: MYR 741.06 • Item ID: MY0034014174



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

## Keputusan tarif Terminal Laut Dalam Pelabuhan Kuantan dalam sebulan

KUANTAN: Keputusan mengenai tarif Terminal Laut Dalam (NDWT) Pelabuhan Kuantan di sini, akan diketahui selewat-lewatnya dalam tempoh sebulan.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook berkata perkara itu masih di peringkat rundingan yang melibatkan semua pihak berkepentingan, termasuk pengguna pelabuhan.

“Pertimbangan dalam menentukan tarif akan mengambil kira kemudahan yang ada selain pandangan jawatankuasa berkaitan tarif,” katanya kepada pemberita selepas meninjau perkembangan Projek Fasa 1A NDWT di sini, semalam.

“Sudah tentu keputusan nanti akan memastikan tarif itu berpatutan, kompetitif

dan tidak memberi kesan kepada kenaikan kos dan sebagainya. Kita pastinya mahusemuapelabuhannegara dapat dibangunkan sebagai aset negara dan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan perdagangan,” tambahnya.

Turut bersama dalam tinjauan semalam ialah Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kuantan Tan Sri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar dan pengurus besarnya Datuk Khairul Anuar Abdul Rahman serta Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Datuk Seri Jebasingam Issace John.

Loke seterusnya memberi jaminan bahawa Kementerian Pengangkutan menyokong cadangan menjadikan

Pelabuhan Kuantan sebagai zon perdagangan bebas yang kini dalam pertimbangan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

“Kita akan beri sokongan kerana ini merupakan salah satu pelabuhan yang penting di semenanjung dan ada kawasan industri yang sedang berkembang, selain masih ada tanah yang boleh dibangunkan sebagai kawasan industri berhampiran pelabuhan.

“Pelabuhan memainkan peranan penting untuk menjana pembangunan ekonomi dan ini akan menjadi faktor penarik kepada pemain sektor industri,” katanya.

Ditanya jika pelaksanaan NDWT terjejas dengan keputusan kerajaan menangguhkan projek Laluan Rel Pantai Timur

(ECRL), Loke berkata beliau dimaklumkan tidak, kerana rancangan pembangunan NDWT tidak mengambil kira pelaksanaan ECRL.

Mengulas mengenai Fasa 1A NDWT, Loke berkata fasa yang melibatkan dermaga sepanjang 1 kilometer (km) dan benteng pemecah ombak itu sudah mula beroperasi sejak sebulan lalu.

Katanya ia melibatkan pelabur terbesar Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) iaitu syarikat pembuatan besi dan keluli, Alliance Steel (M) Sdn Bhd dari China, yang terletak kira-kira 12 km dari Pelabuhan Kuantan.

Fasa 1B pula dijangka siap pada pertengahan tahun 2019, manakala pembangunan Fasa 2 dijangka bermula pada 2039. -Bernama



**MENTERI** Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook ketika hadir ke Pelabuhan Kuantan bagi mendengar taklimat dan melihat perkembangan pelabuhan yang siap dibina dalam lawatan kerja ke Fasa 1A Terminal Laut Dalam Pelabuhan Kuantan (NDWT) pada Jumaat. Turut hadir Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kuantan Tan Sri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar (tiga, kiri) dan Datuk Seri Jebasingam Issace John (empat, kiri).